

Jenis Akhbar : Berita Harian
Tarikh : 15/06/2017
Edisi / Muka Surat : Nasional / 34

Ms.34 MN

Khamis, 15 Jun 2017 BH

→ WILAYAH

Anjur pertandingan fotografi

● Kerjasama ANGKASA, Koperasi NSTP sempena Program ICA Global

Oleh Nur Fatin Mohd Satar
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur

H adiah wang tunai me nunggu pemenang pertandingan fotografi International Co-operative Alliance (ICA) Kuala Lumpur 2017 yang julung kali dianjurkan sempena persidangan antarabangsa jalinan koperasi seluruh dunia.

Penyertaan untuk pertandingan anjuran Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) dengan kerjasama Koperasi The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad (NSTP) itu bermula semalam sehingga 22 Julai ini.

Presiden ANGKASA, Datuk Abdul Fattah Abdullah, berkata pertandingan julung kali itu dianjurkan sempena Program ICA Global Conference and General Assembly 2017 yang akan diadakan di negara ini.

Katanya, ia yang bertemakan 'Koperasi: Memartabatkan Masyarakat Dalam Arus Pembangunan', terbuka kepada semua rakyat Malaysia dengan foto mesti dimuat naik ke laman Facebook FOTOGRAFI ICAKL 2017.

"Semua foto yang dihantar akan dinilai berdasarkan keaslian, konsep, idea yang menepati tema, komposisi, nilai seni dan memaparkan keunikan selain memenuhi syarat yang ditetapkan.

"Tema yang dipilih perlu bersesuaian dengan peranan koperasi yang unik kerana berjaya menggabungkan ekonomi dan tadbir urus demokratik serta prihatin terhadap masyarakat," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis perasmian pertandingan berkenaan yang turut dihadiri Pengurus Koperasi NSTP (Malaysia Berhad), Mohd Fadzil Ab Ghani dan Pengurus Besar Bah-

gian Komunikasi Korporat ANGKASA, Borhan Mat Aris, di sini semalam.

Johan pertandingan akan menerima RM2,500, kedua (RM1500), ketiga (RM1,000) dua pemenang tempat keempat (masing-masing RM700), kelima (RM500) serta lapan pemenang sagu hati (masing-masing RM100).

Maklumat lanjut di www.angkasacoop.org atau Facebook Fotografi ICAKL 2017 dan ANGKASACOOP.



Abdul Fatah (tengah) bersama Mohd Fadzil (dua dari kiri) memegang poster pertandingan Fotografi ICAKL 2017 anjuran ANGKASA dan Koperasi NSTP (Malaysia Berhad), semalam.

Perpustakaan Koperasi Malaysia